

**J. P.U. 35.**

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987  
 PERINTAH LALULINTAS JALAN  
 (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)  
 MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai pihak berkuasa berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Majlis, dengan persetujuan Menteri, membuat perintah yang berikut:

**Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (a) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Johor Bahru (Pindaan) 2020** dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

(b) Perintah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pindaan perintah 2**

2. Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Bandaraya Johor Bahru 2003 [*J.P.U. 43/2003*] yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perintah 2–

(a) dengan memasukkan selepas takrif “Datuk Bandar” takrif baru yang berikut–

“halangan” ertinya sesiapa yang bukan bagi tujuan letak kereta, menggalang atau menyebabkan galangan di mana-mana tempat letak kereta awam atau petak letak kereta yang diwartakan dalam Perintah ini atau mana-mana kenderaan motor yang diletakkan bukan di tempat letak kereta yang diwartakan;

“jalan” ertinya mana-mana jalan awam dan mana-mana jalan lain yang mana orang awam mempunyai akses dan termasuklah jambatan, terowong, hentian sebelah, kemudahan feri, jalan bertingkat, bulatan jalan, pulau lalu lintas, pembahagi jalan, segala lorong lalu lintas, lorong laju, lorong perlahan, lorong belakang, bahu jalan, garis tengah, jejambat, jalan tembok, jalan tuju, landasan masuk dan keluar, plaza tol, kawasan khidmat dan struktur dan lekapan lain bagi memberi kesan sepenuh kepada penggunaannya;

(b) dengan memasukkan sebelum takrif “jam” takrif baru yang berikut–

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;’;

- (c) dengan memotong takrif “letak kereta”;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “Majlis” takrif baru yang berikut—
- ‘ “meletak kereta” ertinya membawa suatu kenderaan motor ke keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan menunggu bagi apa-apa maksud selain daripada mengambil atau menurunkan dengan serta-merta orang, barangan atau bagasi;
- “orang kurang upaya” mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 [*Akta 685*];’;
- (e) dengan memasukkan selepas takrif “Pembantu Penguatkuasa” takrif yang berikut:
- ‘ “Pemunya kenderaan motor” ertinya mana-mana orang yang merupakan pemunya kenderaan motor yang berdaftar dengan Jabatan Pengangkutan Jalan;’.

#### **Perintah baru 12A**

3. Perintah ibu dipinda, dengan memasukkan selepas perintah 12, perintah yang berikut:

#### **“Syarat-syarat menggunakan tempat letak kereta bagi orang kurang upaya (OKU)**

12A.(1) Mana-mana orang yang menggunakan tempat letak kereta orang kurang upaya (OKU) hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang dinyatakan seperti berikut:

- (a) Seorang OKU mestilah yang memandu sendiri kenderaannya yang telah diubahsuai untuk kegunaan OKU berdasarkan kekurangan fizikal masing-masing.
- (b) Memiliki Kad OKU yang telah dikeluarkan oleh seorang Pegawai Kebajikan Masyarakat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai Pendaftar bagi setiap Negeri dan Wilayah Persekutuan.
- (c) Mempunyai pelekat khas yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sahaja. Pelekat ini perlu ditampal dengan jelas pada kenderaan yang digunakan.

(2) Jika mana-mana orang gagal mematuhi peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang disebutkan di bawah subperenggan (1) tanpa sebab yang sah maka dia adalah melakukan suatu kesalahan.”.

### **Pindaan perintah 21**

4. Perintah 21 Perintah ibu dipinda dengan menggantikan subperintah (1) dengan subperintah yang berikut:

“(1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) Menggalang atau menyebabkan galangan di mana-mana tempat letak kereta awam atau petak letak kereta yang diwartakan dalam Perintah ini atau mana-mana kenderaan motor yang diletakkan bukan di tempat letak kereta yang diwartakan;
- (b) Meletakkan suatu kenderaan motor, menyebabkan, membenarkan mana-mana kenderaan motor diletakkan atau menunggu di mana-mana tanah, bangunan, jalan atau mana-mana bahagian jalan melainkan di tempat atau petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis.”.

### **Perintah baru 21A**

5. Perintah ibu dipinda, dengan memasukkan selepas perintah 21, perintah yang berikut:

#### **“Pengapitan, Pengalihan dan Penahanan Kenderaan Motor”**

21A.(1) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, dia melakukan suatu kesalahan.

(2) Jika mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor menyebabkan atau membenarkan kenderaan motor itu dihentikan di mana-mana jalan dalam apa-apa kedudukan atau apa-apa keadaan atau apa-apa hal keadaan yang mungkin menyebabkan bahaya, galangan atau kesusahan tidak berpatutan kepada pengguna jalan yang lain atau kepada lalu lintas, mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana Pembantu Penguatkuasa boleh mengapit roda kenderaan motor itu atau mengalihkan atau menyebabkan supaya dialih kenderaan motor itu ke mana-mana jalan lain atau mana-mana lokasi atau tempat lain sebagaimana yang dinyatakan dalam suatu notis dan ditinggalkan di situ atas risiko pemunya.

(3) Jika sesuatu kenderaan motor diapit rodanya di bawah subperintah (2), mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana Pembantu Penguatkuasa hendaklah dengan segera, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkan tentang pengapitan roda itu dan menghendaknya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor itu, dalam tempoh empat jam dari dari waktu notis itu, untuk hadir dan meminta supaya kenderaan itu dilepaskan dan jika tidak ada tuntutan diterima dalam tempoh itu, kenderaan motor itu bolehlah dialihkan ke tempat yang sesuai.

(4) Jika mana-mana kenderaan motor ditahan di bawah subperintah (2) atau (3), mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana Pembantu Penguatkuasa yang berkenaan hendaklah dalam masa dua puluh empat jam, memberikan notis secara bertulis kepada pemunya kenderaan motor itu memaklumkan mengenai pengalihan itu dan menghendaknya atau mana-mana orang yang mungkin mempunyai tuntutan terhadap kenderaan motor, dalam tempoh satu bulan dari tarikh notis itu, supaya hadir dan menuntut kenderaan itu.

(5) Selepas diterima tuntutan di bawah subperintah (3) atau (4), kenderaan motor itu bolehlah dilepaskan setelah dibayar fi bagi pengapitan, pengalihan dan penahanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis di bawah Perintah ini.

(6) Jika dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh pengalihan itu kenderaan motor itu tidak dituntut, kenderaan motor itu hendaklah dilucuthakkan dan keempunyaan motor itu terletak hak pada Datuk Bandar.

(7) Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Majlis, mana-mana Pembantu Penguatkuasa, atau mana-mana orang lain yang bertindak di bawah arahnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh menanggung apa-apa liabiliti berkenaan dengan apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana kenderaan motor atau kelengkapan atau kandungannya semasa ia diapit atau dialihkan atau semasa ia ditahan melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaiian atau dengan sengaja.”.

#### **Perintah baru 28A**

6. Perintah ini dipinda dengan memasukkan selepas perintah 28, perintah yang berikut:

**“Larangan mendesak bagi gangguan dan desakan menyalahi undang-undang atau mengarah pemandu untuk meletakkan kereta di mana-mana tempat”**

28A.(1) Jika mana-mana orang, melainkan dengan kuasa yang sah, berada di atas mana-mana jalan atau di mana-mana tempat letak kereta bagi maksud mendesak mana-mana orang lain berkenaan dengan penjagaan atau pencucian sesuatu kenderaan motor, atau bagi maksud lain mengarahkan mana-mana pemandu sesuatu kenderaan motor berkenaan dengan meletakkan kereta di atas jalan atau di tempat itu, dia melakukan suatu kesalahan.”.

**Pindaan perintah kecil 37**

7. Perintah 37 Perintah ibu dipinda-

(a) dengan menggantikan tanda noktah di akhir perenggan (f) dengan tanda koma bernoktah;

dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(g) menggunakan mana-mana tempat atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan, penjajaan atau perniagaan tertakluk pada kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan;

(h) menggunakan mana-mana tempat atau petak letak kereta bagi sebarang aktiviti yang tidak mendapat kebenaran pihak Majlis;

(i) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat atau petak letak kereta yang dikhaskan untuk orang kurang upaya; atau

(j) menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta seperti khemah, tong, roro, bahan binaan dan apa-apa jua barangan yang diletakkan dalam tempat atau petak letak kereta.”.

Bertarikh 19 Ogos 2020

[MBJB/U/2018/28/UUK/2( )]

[SUKJ.KT. 58/15 JLD. 4(31); PPUUNJ. 600-1/5/21(21)]

[Ringkasan Mesyuarat Bil: 949/2020]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD

*Datuk Bandar*

*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

**ROAD TRANSPORT ACT 1987**

**ROAD TRAFFIC (PROVISION FOR PARKING PLACE)**

**JOHOR BAHRU CITY COUNCIL (AMENDMENT) ORDER 2020**

IN exercise of the powers conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 [*Act 333*], the Johor Bahru City Council being the appropriate authority in respect of roads in the Council areas, with the concurrence of the Minister, makes the following order:

**Citation, application and commencement**

1. (a) This Order may be cited as the **Road Traffic (Provision For Parking Places) Johor Bahru City Council (Amendment) Order 2020** and shall apply only to the Johor Bahru City Council.

(b) This order shall come into operation on the date of its publication in the *Gazette*.

**Amendment of order 2**

2. The Road Traffic (Provision for Parking Place) (Johor Bahru City Council) Order 2003 [*J.P.U. 43/2003*] which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in order 2–

(a) by inserting after the definition of “hour” the following definition:

“Mayor” means the Mayor of the Johor Bahru City Council and includes the Deputy Mayor;

(b) by inserting after the definition of “motor vehicle” the following new definition–

“motor vehicle owner” means any person who is the owner of a motor vehicle registered with the Road Transport Department;

“obstacles” means any person who is not for the purpose of parking, blocking or cause obstruction in any public parking or parking space which was gazetted in this order or any motor vehicle placed not in place parking which is gazetted;’;

(c) by substituting after the definition of “parking” with the following definition:

‘ “parking” means carrying a motor vehicle into a static position or cause to wait for any purpose other than taking or dropping the person, goods or baggage;’;

(d) by inserting after the definition of “parking place” the following definition:

‘ “persons with disabilities” has same meaning as in the Persons with Dissabilities Act 2008 [*Act 685*];’;

(e) by deleting the definition of “President”;

- (f) by inserting after the definition of “prescribed charge” the following new definition–

‘ “road” means any public roads and any other roads where the public has access and includes bridges, tunnels, side stops, ferry facilities, straits, roads, traffic islands, road dividers, all lanes of traffic, fast lanes, slow lanes, back lanes, road shoulder, midline, bridges, roads, entrance and exits, toll plazas, service areas and other structures and fixtures to give full effect to their use;’;

and

- (g) by inserting after the definition “season parking place” the following definition–

“ “vehicle” means a structure which may be moved or moved or used to carry any person or thing and which is in contact with the surface of the earth when moving;

#### **New order 12A**

3. The principal Order is amended by inserting after order 12 the following order:

#### **“Term and conditions for use of the disabled person parking**

12A.(1) Any person using the person disabled parking must comply with the following provisions and conditions:

- (a) the disabled person must himself drive the vehicle that has been modified for the use of the disabled based on their physical inadequacy.
- (b) has a card for person with disabilities issued by a Social Welfare Officer from the Department of Social Welfare as a Registrar for each State and Federal Territory.
- (c) has a special sticker issued by the Road Transport Department only. This sticker should be clearly marked on the used vehicle.

(2) If any person fails to comply with the rules and conditions referred to under suborder 1 without lawful cause then he shall be guilty of an offense.”.

#### **Amendment of order 21**

4. Order 21 the principal order is amended by substituting for suborder (1) the following suborder:

“(1) No one can—

- (a) Obstruct or cause an impediment in any public car park or parking space *gazetted* in this Order or any motor vehicle parked not in a *gazetted* parking space; or
- (b) Place a motor vehicle, causing, permitting any motor vehicle to park or wait on any land, building, road or any part of the road except in the place or parking space provided by the Council.”.

#### **New order 21A**

5. The Principle Order is amended by inserting after order 21 the following order:

#### **“Clamping, diverting and detention of motor vehicles”**

21A.(1) If any driver of a motor vehicle causes or permits such motor vehicle to remain at rest on any road in such a position or in such a condition or in such circumstances as to be likely to cause danger, obstruction or undue inconvenience to other users of the road or to traffic, he shall be guilty of an offence.

(2) If any driver of a motor vehicle causes or permits such motor vehicle to remain at rest on any road in such a position or in such a condition or in such circumstances as to be likely to cause danger, obstruction or undue inconvenience to other users of the road or to traffic, any officer authorized by the council, any Parking Enforcement Assistant may clamp the wheel of the motor vehicle or remove or cause to be removed the motor vehicle to any other road or some other location or place as may be stated in a notice and remain there at the risk of the owner.

(3) Where the wheel of a motor vehicle has been clamped under suborder (2), any officer authorized by the council, any Parking Enforcement Assistant shall immediately give notice in writing to the owner of the motor vehicle informing him of the clamping of the wheel and requiring him or any person who may have a claim over the motor vehicle, within four hours from the time of the notice, to appear and request for the release of the vehicle, and if no claim is received within such period, the motor vehicle may be removed to an appropriate location.

(4) Where any motor vehicle is removed under suborder (2) or (3), any officer authorized by the council, Parking Enforcement Assistant shall within twenty-four hours, give notice in writing to the owner of the vehicle informing him of the removal and requiring him or any person who may have a claim over it, within a period of one month from the date of the notice, to appear and claim the vehicle.



(5) Upon receipt of a claim under suborder (3) or (4), the motor vehicle may be released upon payment of a fee for the clamping, diverting and detention as may be prescribed by the Council under this order.

(6) If within twelve months from the date of removal the motor vehicle is not claimed, the motor vehicle shall be forfeited and the ownership of the motor vehicle shall be vested in the Mayor.

(7) Any Officer authorized by the council, parking enforcement assistant or any other person acting under his or its directions, as the case may be, shall not incur any liability in respect of any loss or damage caused to any motor vehicle or the fittings or contents thereof in the course of it being clamped or removed or while it is being detained, unless such damage was caused negligently or willfully.”.

#### **New order 28A**

6. The principal order is amended, by inserting after order 28, the following order:

**“The ban for harassment and illegal insistence or directing the driver to place a car in any place”**

28A.(1) If any person, except with lawful authority, is on any road or in any parking lot harass’s of any other person in respect of the care or washing of a motor vehicle, or for any other purpose of direct any driver of a motor vehicle in respect of putting a car on the street or in that place, he commits an offence.

#### **Amendment of order 37**

7. Order 37 the principal Order are amended–

(a) by substituting the full stop at the end of paragraph (f) with semi colon;

and

(b) by inserting after paragraph (f) the following paragraph:

“(g) using any place or parking place for the purpose of carrying on any trade, hawking or business subject to the approval of the Local Authority;

(h) use any place or parking place for any activity not authorized by the Council;

- (i) prevent or cause to obstruct any place or parking space reserved for persons with disabilities; or
- (j) obstruct or cause to obstruct any parking or parking place such as tents, barrels, rugs, building materials and any items placed in a parking space or place.”.

Dated 19 August 2020

[MBJB/U/2018/28/UUK/2( )]

[SUKJ.KT. 58/15 JLD. 4(31); PPUUNJ. 600-1/5/21(21)]

[Ringkasan Mesyuarat Bil: 949/2020]

DATO' HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD

*Mayor*

*Majlis Bandaraya Johor Bahru*

Hakcipta Pencetak ©

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN JOHOR BAHRU, 2020  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA  
www.printnasional.com.my, email.pnmbjb@printnasional.com.my